

28 AUG 1997

Umno-Kelantan

UMNO KELANTAN PERLUKAN PERUBAHAN DALAM BUDAYA POLITIKNYA

KOTA BAHARU, 28 Ogos (Bernama) -- Umno Kelantan diminta segera mengadakan satu reformasi terhadap budaya politiknya untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perjuangan parti itu serta membina kekuatan bagi menentang PAS yang kini memerintah negeri itu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Umno Kelantan perlu berani mengadakan perubahan khususnya untuk mengambil tindakan memperbaiki diri sendiri sebagai langkah menyesuaikan diri dengan perjuangan lebih besar.

"Sementara angin perubahan mula bertiup dan pada ketika kita sedang menuju alaf baru, Umno Kelantan memerlukan imej baru. Wajah lama kita perlu diperbaiki," katanya ketika merasmikan konvensyen Umno Kelantan di sini hari ini.

Berucap di hadapan 2,000 hadirin, Annuar menggariskan 13 perkara utama dalam usaha untuk mengubah imej Umno Kelantan yang kebanyakannya menggalakkan perubahan sikap anggota Umno.

Antaranya Umno Kelantan perlu mempupuk semangat bersatu padu serta mementingkan semangat kerja berpasukan yang pada masa ini dikenal pasti sebagai antara kelemahan Umno negeri.

Katanya budaya suka berpecah dan berpuak serta bersikap individualistik dan "sifat yang dilihat sombong" perlu dikikis sesuai dengan naluri sistem nilai rakyat Kelantan.

Melalui reformasi itu yang disifatkan sebagai satu anjakan budaya dan imej baru Umno Kelantan, Annuar juga menasihatkan anggota dan pemimpin Umno supaya menamatkan tindakan "pulau memulau" serta sikap suka berkonfrontasi dan berebut jawatan.

Ketika ditemui selepas itu, Annuar berkata Umno khususnya Barisan Nasional (BN) akan terus memberikan sumbangan dalam merencanakan pembangunan Kelantan walaupun pemerintahan negeri itu yang diterajui oleh PAS sering memutarbelitkan fakta berhubung sumbangan kerajaan pusat.

Beliau berkata Umno akan memulakan kajian dan menyediakan pelan perancangan pembangunan jangka panjang di Kelantan antaranya membabitkan pembinaan infrastruktur seperti Lebuhraya Pantai Timur baru bagi menghubungkan Kelantan dengan negeri-negeri jiran serta usaha memperbesarkan lapangan terbang di sini.

Yang turut hadir pada konvensyen bertema "Semarakkan Iltizam Ke Arah Perubahan" itu ialah pemimpin dari parti komponen BN Kelantan, badan bukan kerajaan, persatuan sukarela, anggota korporat, ahli akademik dan mahasisiwa dari Kelantan.

Petang esok, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan akan merasmikan penutupan konvensyen itu pada satu majlis khas iaitu pada perhimpunan rakyat di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak dekat Pasir Puteh. -- BERNAMA

RAR MAI